

FIQH JIHAD WANITA DALAM KONTEKS KONTEMPORARI: SATU ANALISIS

Muhd Imran Abd Razak (PhD)¹, Mohd Anuar Ramli (PhD)²,
Nurul Khairiah Khalid¹, Mukhamad Khafiz Abd Basir¹,
Mohd Farhan Abd Rahman¹, Ahmad Firdaus Mohd Noor (PhD)¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara,
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

imranrazak@uitm.edu.my

²Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

mohdanuar@um.edu.my

ABSTRAK

Jihad merupakan suatu istilah yang sering dieksploitasi aliran ekstremisme atau disalahfahami aliran liberalisme dalam dunia kontemporari. Ia bukan sahaja memberikan gambaran negatif tentang jihad, malah turut menerbitkan gejala Islamofobia dalam sebahagian masyarakat dunia. Justeru, kajian ini menganalisis tentang fiqh jihad khususnya melibatkan golongan wanita dalam konteks kontemporari. Berpandukan metode kajian kualitatif, analisis kandungan dilakukan terhadap literatur berkaitan jihad dan perbahasan sarjana Islam silam dan kontemporari berkaitan dengannya. Analisis dilakukan secara induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati, fiqh jihad wanita mempunyai ciri dan syarat yang berbeza dengan fiqh jihad lelaki. Di samping itu, walaupun fiqh jihad adalah bersifat ijtihadiyyah, namun perbahasan jihad tentang wanita sangat mementingkan persoalan masalah golongan tersebut. Dengan itu, fiqh jihad wanita dalam Islam adalah mengambilkira persoalan fitrah, keupayaan, konteks dan awlawiyyat.

Kata kunci: Fiqh Jihad, wanita, kontemporari

PENDAHULUAN

Fiqh jihad merupakan disiplin dan kefahaman ilmu yang kritikal untuk difahami oleh individu muslim lebih-lebih lagi pada zaman kontemporari ini ketika mana berlaku peperangan serta penindasan demi penindasan terhadap negara-negara umat Islam. Ia juga begitu penting untuk difahami kerana istilah jihad sering disalahtafsir sama ada oleh golongan bukan Islam mahupun oleh sebahagian umat Islam itu sendiri. Melihat pandangan pihak Barat yang beranggapan jihad menurut Islam adalah semata-mata 'holy war', iaitu berbentuk peperangan bersenjata atas nama agama serta penyalahgunaan istilah jihad oleh kumpulan ekstremis untuk menghalalkan perkara-perkara yang diharamkan dalam syariat sudah cukup untuk membuktikan kepentingan memahami fiqh jihad menurut perspektif yang betul. Berdasarkan hakikat syariat yang bersifat menyeluruh dan

adil, semestinya perbincangan fiqh jihad turut merangkumi golongan wanita yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan tertentu yang membezakannya dengan fiqh jihad golongan lelaki.

JIHAD: TEKS DAN KONTEKS

‘Jihad’ menurut Kamus Dewan (2005) bermaksud suatu usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencapai kebaikan yang diredhai Allah SWT. Definisi yang diberikan dalam Kamus Dewan jelas menggambarkan tentang kedudukan jihad yang mulia menurut kefahaman masyarakat Melayu. Perkataan ‘jihad’ yang digunakan dalam bahasa Melayu tersebut berasal daripada perkataan yang sama dalam bahasa Arab iaitu ‘al-jihad’. ‘Al-jihad’ yang terbit daripada kalimah ‘jahada-yujahidu-jihadan’ dari segi bahasanya bermaksud melakukan sesuatu dengan sedaya upaya atau bersungguh-sungguh (Ibn Manzur, t.t.). Daripada ‘jahada’ juga terbit beberapa perkataan seperti ‘al-jahdu’, ‘al-juhdu’, ‘al-ijtihad’, ‘al-mujahadah’ dan lain-lain.

Dari segi istilah syarak, ‘al-jihad’ dibahagikan oleh para ulama kepada makna am dan juga khas. Makna jihad secara am bermaksud segala usaha dan amalan untuk Islam dan menyeru manusia kepadanya serta menentang halangan daripadanya (Al-Suhaimi,, 2008). Ia merupakan suatu usaha yang dianjurkan bagi umat Islam untuk menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman bagi membentuk masyarakat rabbani berasaskan nilai-nilai keimanan sejati (Mustaffa, 2016). Manakala makna jihad menurut istilah fuqaha pula dikhususkan kepada peperangan dalam menentang orang kafir atau sebahagiannya menambah termasuk juga peperangan menentang golongan bughah (Al-Qaradawi, 2009).

Walaupun pelbagai makna diberikan terhadap perkataan-perkataan yang berlainan tersebut, pengkaji melihat ia tidak lari daripada menunjukkan maksud kesungguhan dalam melakukan sesuatu yang sukar. Kepelbagaian perkataan yang lahir daripada kalimah yang sama tersebut digunakan dalam pelbagai konteks yang berbeza-beza menurut kesesuaian. Dalam al-Quran, perkataan ‘jihad’ ini disebut sebanyak 44 kali dalam maksud yang umum dan khusus (Muhammad ‘Izzat, 1952). Jika diperhatikan dengan teliti, kalimah berkaitan jihad yang disebut dalam al-Quran mahupun Hadis meliputi makna yang luas. Ia dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Kebanyakan lafaz ‘jihad’ yang disebutkan dalam al-Quran membawa maksud mencurahkan tenaga dalam menyebarkan Islam dan mempertahankan dakwahnya, bukan semata-mata berkaitan peperangan (Al-Zuhaili, 1991).
- ii. Terdapat banyak hadis Rasulullah SAW yang menceritakan persoalan jihad, namun belum ditemui hadis secara jelas yang memerintahkan jihad mesti menggunakan senjata melawan orang-orang kafir (Kamaruddin,, 2008).
- iii. Terdapat ayat-ayat al-Quran yang bersifat makkiyyah tentang jihad. Ini membuktikan istilah jihad dalam Islam bukan merujuk kepada peperangan semata-mata (Al-Buti, 1993) kerana penyariatannya jihad

peperangan hanya berlaku ketika umat Islam sudah berhijrah ke Madinah (Mustaffa, 1996: 50-52).

- iv. Para ulama secara kolektifnya bersetuju terdapat pelbagai cara atau kaedah pelaksanaan jihad. Walau bagaimanapun, para fuqaha lebih mengkhususkan jihad kepada peperangan kerana menganggap ianya merupakan bahagian jihad yang terpenting (Mahmood Zuhdi, 2003: 3-5; Sa'di, 1993).

JIHAD KONTEKS PEPERANGAN

Dalam konteks jihad peperangan seperti yang dimaksudkan, perbincangan hukum jihad adalah meluas kerana ianya meliputi pelbagai aspek pemerhatian. Pengkaji menjelaskan pendapat-pendapat para ulama tentang hukum berjihad seperti berikut:

1. Jihad Peperangan Terbahagi Kepada Al-Difa' (Mempertahankan Diri) Dan Al-Talab (Menyerang Kawasan Musuh).

Jihad al-difa' bermaksud memerangi musuh disebabkan mereka memasuki wilayah Islam dan menduduki sesuatu kawasan walaupun sedikit atau melakukan kezaliman terhadap nyawa orang Islam, harta, pemilikan atau kehormatan mereka walaupun tanpa memasuki wilayah Islam dan betul-betul mendudukinya. Ia termasuk menindas orang Islam terutamanya terhadap akidah mereka, mencabul hak mengamalkan agama Islam serta memaksa mereka meninggalkan ajaran Islam dengan cara penindasan dan paksaan. Para ulama telah bersetuju bahawa jihad al-difa' adalah fardu ain kepada seluruh umat Islam (Al-Qaradawi, 2009). Justeru itu, menjadi kewajipan bagi setiap muslim berjihad mempertahankan wilayah mereka daripada diceroboh oleh orang-orang kafir dengan segala keupayaan yang ada pada diri mereka (Al-Hanif, 1426H).

Selain itu, berlaku perselisihan para ulama tentang hukum jihad al-talab. Jihad al-talab bermaksud pihak musuh berada dalam wilayah mereka, sedangkan tentera Islam datang menyerang wilayah tersebut untuk memperluaskan amalan dan tanah jajahan Islam. Ia bermaksud, tentera Islam memulakan peperangan terlebih dahulu untuk kemaslahatan rakyat di wilayah tersebut agar mereka tidak menerima seruan lain selain daripada Islam (Al-Qaradawi, 2009). Jumhur ulama mengatakan hukum jihad al-talab adalah fardu kifayah, manakala sebahagian pula mengatakan hukum adalah fardu ain manakala sebahagian lagi mengatakan ianya berstatus sunat sahaja. Antara ulama yang berpegang hukum jihad al-talab adalah fardu kifayah ialah al-Miqdad al-Aswad, Abu Talhah, Huzaifah al-Yamani, 'Abd Allah Ibn 'Amru, Sufian al-Thauri dan sebahagian sahabat dan daripada kalangan tabi'in, Abu Hanifah, Abu Yusuf, Malik, al-Qirafi, Sahnun, al-Shafi'i, al-Nawawi, Ibn Qudamah dan majoriti ulama (Razak, 2018). Dalil kewajipan tersebut adalah bersandarkan kepada ayat 216, surah al-Baqarah. Mereka berhujah bahawa ayat ini terdapat lafaz 'kutiba' yang membawa maksud kewajipan sama seperti ayat 183, surah al-Baqarah tentang kewajipan berpuasa (Al-Qaradawi, 2009).

Antara ulama yang berpegang hukum jihad al-talab adalah fardu ain pula adalah Ibn Mubarak dan ‘Ata’, namun mereka berpendapat jihad hanya difardukan kepada para sahabat Rasulullah SAW, tidak bagi generasi muslim selepas mereka (Al-Qaradawi, 2009). Hujah mereka adalah bersandarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah RA difahami bersifat khusus untuk zaman itu sahaja (Muslim, no. 1910). Antara ulama yang berpegang hukum jihad al-talab adalah sunat pula adalah Ibn Shubrumah dan satu riwayat daripada Ibn ‘Umar. Ibn Shubrumah berpandangan ayat 216, surah al-Baqarah tidak menunjukkan tanda wajib tetapi hanya bermaksud sunat seperti mana yang terdapat dalam surah al-Baqarah, ayat 180 (Al-Qaradawi, 2009).

2. Penentuan Hukum Jihad Melihat Kepada Situasi Zaman.

Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalani, terdapat dua zaman, iaitu jihad pada zaman Rasulullah SAW dan jihad selepas zaman Baginda. Dalam konteks yang pertama, terdapat dua pendapat dalam hal ini iaitu al-Mawardi yang mengatakan jihad hanya menjadi fardu ain kepada golongan Muhajirin manakala al-Suhaili pula kewajipan secara ‘ain hanya kepada golongan Ansar (Al-‘Asqalani, t.t.). Dalam konteks yang kedua pula iaitu hukum jihad selepas zaman Rasulullah SAW, hukum asal jihad adalah fardu kifayah iaitu merujuk kepada kewajipan bagi orang muslim melakukan jihad al-talab sekurang-kurangnya setahun sekali mengikut pandangan jumbuh ulama. Ia didapati berlatar belakangkan suasana peperangan pada zaman tersebut, iaitu perluasan pengaruh adalah melalui jalan peperangan (Hapiz, 2018). Manakala hukum jihad menjadi fardu ain apabila terdapat serangan musuh ke atas negara Islam dan individu tersebut diarahkan oleh pemerintah untuk keluar berjihad (Al-Shirazi, 1996).

3. Kewajipan Jihad Hanya Kepada Kaum Muslimin Yang Cukup Syarat.

Kewajipan jihad hanya kepada kaum muslimin yang cukup syarat untuk berjihad iaitu (Al-Munif, 1426H);

- i. Islam, tidak diwajibkan jihad ke atas orang kafir kerana jihad merupakan ibadah bagi muslim,
- ii. Mukallaf, tidak diwajibkan jihad kepada kanak-kanak atau orang gila,
- iii. Lelaki, tidak diwajibkan jihad ke atas wanita.
- iv. Berkeupayaan, ianya merangkumi sama ada keupayaan fizikal atau harta. Ini berdasarkan firman Allah SWT surah al-Taubah ayat 91-92. *“Tidak diwajibkan jihad bagi mereka yang tidak mempunyai antara dua jenis kemampuan tersebut.”*

4. Batasan-Batasan Dalam Melaksanakan Jihad

Walaupun jihad merupakan suatu syariat kepada umat Islam, Allah SWT melalui al-Quran dan Rasulullah SAW melalui pelbagai riwayat Hadis telah menggariskan panduan dan diperjelaskan oleh para ulama sebagai batasan dalam

pelaksanaannya. Garis panduan dan batasan-batasan boleh dirumuskan seperti berikut (Saddam Husein , 2016):

- i. Mesti berpegang kepada perjanjian.
- ii. Tidak membunuh orang yang tidak berperang seperti wanita, kanak-kanak, orang-orang tua yang sangat uzur, penghuni rumah ibadah dan lain-lain.
- iii. Tidak melampaui batas.
- iv. Tidak boleh mencincang musuh atau menghina mayat.
- v. Tidak boleh merobohkan atau membakar bangunan.
- vi. Tidak boleh menebang pokok atau merosakkan tanaman.
- vii. Tidak boleh membunuh musuh yang menyerah diri.
- viii. Menguruskan tawanan perang dengan baik.
- ix. Menerima tawaran perjanjian damai.

FIQH JIHAD WANITA

Membahaskan fiqh jihad berkaitan wanita pula, boleh dikatakan secara umumnya kaum wanita mempunyai peranan dalam jihad yang berbeza daripada kaum lelaki. Ini adalah kerana peperangan memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang tinggi berbeza dengan sifat semula jadi wanita yang secara amnya bersifat lemah lembut dan kasih sayang. Sifat unik yang dikurniakan Allah SWT yang Maha Adil terhadap wanita tersebut menjadi sandaran bahawa jihad peperangan adalah tugas dan kewajipan bagi kaum lelaki (Razak, 2019).

Walau bagaimanapun, hakikat tersebut tidaklah bermaksud Islam mengamalkan diskriminasi dan menidakkan sumbangan yang mampu diberikan oleh para wanita dalam peperangan. Merujuk sejarah awal Islam, kaum wanita telah memainkan peranan yang pelbagai dalam situasi peperangan dan sumbangan tersebut telah diiktiraf oleh Rasulullah SAW dan umat Islam (Abd al-Halim Muhammad, 2011). Ia boleh dilihat melalui fakta-fakta berikut:

- i. Wanita berperanan sebagai pembantu menyediakan keperluan makanan dan minuman. Contohnya dapat dilihat daripada hadis riwayat Anas ibn Malik RA (Al-Bukhari, no. 2880) tentang 'Aisyah dan Ummu Sulaim yang didapati sibuk dalam membantu menyediakan air minuman tentera Islam dalam peperangan.
- ii. Wanita berperanan merawat luka para pejuang Islam. Contohnya dapat dilihat daripada hadis Ibn 'Abbas yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW berperang bersama-sama kaum wanita dan mereka berperanan mengubati pasukan Islam yang terluka (Muslim, no. 1812).
- iii. Wanita berperanan mengangkat senjata bersama kaum lelaki. Contohnya dapat dilihat daripada hadis yang terdapat dalam Sahih Muslim (no. 1809) yang diriwayatkan oleh Anas ibn Malik menyatakan bahawa Umm Sulaim membawa pedang ketika Perang Hunain. Umm Sulaim dilaporkan berkata akan membunuh orang musyrik jika beliau didekati. Kisah itu membuatkan Rasulullah SAW tersenyum. Ia juga boleh dilihat dalam hadis riwayat tentang Safiyah binti Abd al-Mutallib yang membunuh seorang Yahudi ketika Perang Khandak sehingga

Hassan bin Thabit pun berasa takut kepadanya. Safiyah dikatakan sebagai wanita pertama yang berjaya membunuh orang musyrik (Al-Asqalani, t.t.). Terdapat juga hadis riwayat Bukhari (no. 2788) yang menceritakan tentang doa Rasulullah SAW terhadap Umm al-Haram binti Milhan yang mahu menjadi sebahagian daripada tentera Islam yang berperang di laut.

- iv. Wanita berperanan meniup semangat atau memberikan motivasi bagi kaum lelaki. Contohnya dapat dilihat hadis berkaitan syair yang dialunkan oleh para wanita mukmin ketika Perang Uhud (Al-Qaradawi, 2009).
- v. Wanita mendapat sedikit daripada ghanimah. Hal ini dapat dilihat melalui satu surat jawapan yang ditulis oleh Ibn Abbas kepada Najdah seperti yang direkodkan oleh Imam Muslim (no. 1812): “kamu menulis surat menanyakan apakah Rasulullah SAW pernah berperang bersama pasukan wanita?. Benar, Rasulullah SAW pernah membawanya yang ditugaskan untuk merawat orang-orang yang cedera dan mereka diberikan sedikit daripada harta ghanimah”.

Fakta-fakta tersebut disokong oleh banyak lagi hadis-hadis yang menceritakan hal yang sama. Ini menunjukkan kaum wanita telah memainkan peranan yang pelbagai dalam konteks jihad peperangan. Al-Qaradawi dalam mengulas hadis-hadis yang berkaitan menjelaskan, walaupun peranan wanita yang dicatatkan oleh sejarah adalah pelbagai, kedudukan dan peranan mereka dalam peperangan adalah berdasarkan pertimbangan masalah dan mafsadah. Wanita hanya dibenarkan untuk menyertai peperangan apabila pertimbangan masalah lebih besar daripada mafsadah yang bakal timbul (Al-Qaradawi, 2009).

Justeru itu, para fuqaha meletakkan kewajipan berjihad hanyalah bagi kaum lelaki. Kaum wanita tidak diwajibkan untuk sama-sama berjihad berdasarkan hakikat fizikal kaum lelaki yang lebih sesuai. Para fuqaha berhujah dengan hadis-hadis Rasulullah SAW yang menunjukkan jihad wanita adalah mengerjakan haji (Bukhari, no. 2875). Justeru, para fuqaha meletakkan syarat wajib jihad pada kaum lelaki sahaja. Walau bagaimanapun, kaum wanita tidaklah dihalang jika ingin menyertai jihad dengan menyumbangkan tenaga dan kepakaran mereka yang bersesuaian. Mereka juga dibolehkan untuk mengangkat senjata jika berkeupayaan seperti yang telah dicatatkan dalam sejarah wanita-wanita yang berperang bersama-sama Rasulullah SAW pada masa dahulu (Hassan Ayub, 2003).

Daripada premis tersebut, dapat difahami bahawa hukum jihad pada asasnya tidak diwajibkan bagi kaum wanita kerana ia melibatkan mashaqqah yang tidak sesuai untuk ditanggung oleh kaum wanita kerana keadaan fitrah mereka yang lemah lembut, menanggung tanggungjawab mengandung dan menyusukan anak serta membesarkan mereka. Namun begitu, al-Qaradawi menegaskan jika kaum wanita yang tidak mempunyai apa-apa halangan seperti disebutkan, mereka boleh sahaja diberikan peluang untuk menyertai peperangan mengikut kadar kemampuan yang ada pada diri masing-masing (Al-Qaradawi, 2009). Apa yang penting dalam isu penglibatan wanita adalah didahulukan

pertimbangan masalah bagi diri seseorang wanita terbabit kerana para fuqaha Islam pada asalnya tidak mewajibkan golongan tersebut mengangkat senjata dan menyertai peperangan.

FIQH JIHAD WANITA DALAM KONTEKS KONTEMPORARI

Pada dasarnya dalam Islam, kedudukan dan tanggungjawab kaum wanita adalah sama dengan kaum lelaki kecuali apabila tanggungjawab khusus yang sesuai dengan fitrah gender masing-masing (Mustafa al-Siba'i, 1966). Jika jihad dalam peperangan merupakan sebahagian daripada syarat yang menjadi tanggungjawab lelaki muslim, jihad wanita dapat difahami sebagai menunaikan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syariat terhadap mereka juga. Justeru itu, fiqh jihad wanita meliputi peranan dan tanggungjawab-tanggungjawab berikut:

- i. Pembantu urusan kaum lelaki. Firman Allah yang bermaksud:
“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”. (Surah al-Taubah (9): 71)

Ayat tersebut bermaksud kaum wanita dan lelaki sama-sama berpimpinan, bantu membantu dalam menegakkan agama Allah atas kesatuan akidah tauhid (Hamka, 1984). Dalam tafsirnya, al-Zuhaili (1991) menyifatkan orang yang beriman dari kalangan lelaki dan wanita bertanggungjawab untuk tolong-menolong dan saling bergantung di antara satu sama lain. Ia merangkumi keseluruhan aspek kehidupan termasuk yang bersifat keras, seperti jihad peperangan dan melakukan peristiwa Hijrah. Walaupun peranan dalam memenuhi sesuatu urusan mungkin berbeza antara lelaki dan wanita berdasarkan fitrah kejadian, ia tidak menghalang objektif penciptaan manusia itu sendiri iaitu saling melengkapi dalam melaksanakan tuntutan kehambaan dan menjalankan amanah Allah SWT sebagai Khalifah yang memakmurkan dunia (Mohd Anuar, 2010).

- ii. Ibu yang mendidik serta pengurus rumahtangga. Firman Allah SWT yang bermaksud:
“Dan ingatlah (serta amalkanlah) apa yang dibaca di rumah kamu dari ayat-ayat Allah (al-Quran) dan hikmah pengetahuan (hadis-hadis)” (Surah al-Ahzab (33): 34.)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Wanita adalah pemimpin rumahtangga dan suaminya dan bertanggungjawab terhadap kepimpinan itu”. (Hadis Riwayat Ahmad)

Walaupun peranan tersebut dilihat dalam lingkungan rumahtangga, ia tidak dianggap sebagai peranan yang tidak penting berbanding peranan di luar rumah kerana institusi rumahtangga merupakan institusi yang terpenting dalam pembentukan masyarakat keseluruhannya ('Abd al-Ghani, 1979).

- iii. Seorang isteri yang taat. Ibn 'Abbas RA direkodkan berkata, datang seorang wanita kepada Rasulullah SAW dan bertanya tentang amalan yang mampu dilakukan oleh para wanita kerana jihad hanya difardukan bagi kaum lelaki. Rasulullah SAW menjawab:
"Mentaati suami dan mengiktiraf hak-hak mereka dapat menyamai(jihad di jalan Allah), (tetapi) sedikit dari kalian yang melakukannya". (Hadis Riwayat Tirmizi dan Ibn Majah)
- iv. Pemberi ketenangan kepada para suami (Ibn Kathir, 1997). Firman Allah SWT yang bermaksud:
"Mereka (isteri-isteri kamu) itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka". (Surah al-Baqarah (2): 187)
- v. Anak yang berbakti. Firman Allah SWT yang bermaksud:
"Dan bergaullah dengan mereka berdua (ibu dan ayah) di dunia dengan cara yang baik". (Surah Luqman (31): 15)

Selain daripada berperanan dalam urusan kekeluargaan, golongan wanita juga boleh memainkan peranan dalam hal ehwal masyarakat dan negara. Buktinya, nas-nas syarak dilihat tidak pernah menghalang secara mutlak sumbangan yang boleh dimainkan wanita di luar rumah seperti yang dapat dilihat dalam isu jihad peperangan, jual beli, kepimpinan, pendidikan dan sebagainya ('Abd al-Halim, 2011). Dalil-dalil dilihat lebih menjerus kepada persoalan peraturan wanita di luar rumah seperti tidak dibenarkan untuk berhias secara jahiliyyah (surah al-Ahzab: 33) dan menjaga batas dalam pergaulan (surah al-Nur, 30) demi mengelakkan fitnah (Paizah, 2003: 68). Daripada itu dapat difahami bahawa, peranan wanita sepanjang zaman masih terdedah kepada interpretasi yang berbeza menurut metodologi ijtihad yang digunakan oleh para ulama semasa, didasari pertimbangan terhadap masalah golongan wanita pada masa tersebut. Ini bermaksud, pandangan para ulama dalam berinteraksi dengan nas tidak mustahil dipengaruhi oleh faktor realiti budaya dan latar masyarakat yang dihadapi mereka pada ketika itu (Paizah, 2003: 61-72).

Justeru itu, apabila zaman berubah, peranan dan tanggungjawab wanita turut boleh mengalami perubahan dan ianya memerlukan perbahasan hukum yang baru. Apa yang penting dalam proses ijtihad tersebut mestilah berpaksikan hakikat ajaran Islam yang tidak pernah menganjurkan subordinasi terhadap golongan wanita (surah al-Hujurat: 13) bahkan Islam begitu menjaga kemuliaan

dan kehormatan di samping menghargai mereka dengan peranan dan tanggungjawab yang bersesuaian.

Berdasarkan perbincangan tentang fiqh jihad dan peranan wanita dalam jihad tersebut, pengkaji mendapati terdapat beberapa perkara yang boleh disimpulkan, iaitu:

- i. Hukum jihad al-difa' adalah fardu ain bagi muslim yang terlibat manakala jihad al-talab adalah tergantung kepada situasi dan keadaan. Penentuan hukum menjadi wajib atau sunat dan sebagainya hanya ditentukan oleh ulama berautoriti di samping arahan oleh pemerintah yang sah. Pandangan pelbagai dalam persoalan hukum jihad hanya melibatkan jihad al-talab berdasarkan kefahaman para ulama terhadap situasi jihad yang dianalisis. Pada zaman kini, ijtihad yang bersesuaian boleh dilakukan oleh para ulama dan pemerintah melihat kepada hakikat negara-negara berdaulat dan perjanjian-perjanjian peringkat antarabangsa yang terlibat yang semestinya berbeza dengan zaman ulama terdahulu.
- ii. Secara asasnya dalam Islam wanita tidak diwajibkan terlibat dalam jihad peperangan kerana sifat semulajadi wanita yang berbeza berbanding golongan lelaki. Hal tersebut bukan bermaksud wanita didiskriminasi dalam amalan syariat, namun ia menunjukkan sifat Islam yang begitu memelihara kehormatan dan kebajikan wanita dengan sebaik mungkin (Nasr & Su'ad, t.t.). Walaupun tidak disyariatkan berjihad di medan peperangan, masih terdapat amalan jihad alternatif lain yang disyariatkan bagi golongan wanita seperti menunaikan ibadah haji, menjadi isteri dan ibu yang baik dan sebagainya. Islam juga dilihat tidak menghalang sumbangan wanita yang boleh dimainkan oleh wanita di luar rumah dengan syarat dan batas tertentu yang berobjektifkan masalah bagi diri wanita. Fakta tersebut jelas menunjukkan bahawa golongan wanita tidak dieksploitasi dengan sewenangnya walaupun realitinya pada ketika itu tentera lelaki Islam tidak mempunyai jumlah yang besar berbanding pihak musuh.
- iii. Realiti semasa yang menunjukkan sebahagian golongan wanita yang terlibat aktif dalam kerjaya keselamatan seperti polis dan tentera memerlukan penelitian masalah dan mafsadah yang mendalam. Walaupun secara umumnya menurut pengkaji golongan wanita lebih digalakkan untuk memegang jawatan-jawatan yang tidak melibatkan aktiviti tempur seperti mengangkat senjata di medan peperangan, latihan ketenteraan yang komprehensif serta tugas peperangan era moden yang lebih bersifat penggunaan teknologi boleh memungkinkan mereka turut serta menyumbang tenaga di medan pertempuran lebih-lebih lagi jika keadaan begitu memerlukan. Ini adalah kerana larangan wanita berjihad pada masa dahulu adalah berdasarkan faktor sifat lemah yang ada pada diri wanita, jika ia diatasi dengan latihan ketenteraan yang terbukti dan signifikan, penglibatan mereka di medan peperangan boleh dikaji semula.

KESIMPULAN

Tuntasnya, perbincangan fiqh jihad berkaitan wanita ini merupakan perbincangan ijtihadiyyah yang terdedah kepada pelbagai pandangan dan sudut perbincangan. Namun begitu, ia tidak menafikan hakikat bahawa dalam perbincangan fiqh jihad tersebut, para fuqaha yang menganalisis dalil-dalil berkaitan dengannya dilihat mementingkan persoalan masalah yang hendak dicapai sama ada masalah syariat jihad itu sendiri mahupun masalah khusus yang melibatkan golongan wanita. Sebarang pertimbangan hukum bukan berobjektifkan kepentingan sempit tetapi demi mencapai kebaikan bagi umat dan agama Islam keseluruhannya.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Ghani ‘Abud. (1979). *al-Usrah al-Muslimah Wa al-Usrah al-Mu‘asirah*. Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- ‘Abd al-Halim Muhammad Abu Shuqqah. (2011). *Tahrir al-Mar’ah fi ‘Asri al-Risalah*, jil. 2. Kuwait, Dar al-Qalam.
- Ahmad Ibn Hanbal. (t.t.). *Musnad*, jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-‘Asqalani, Ahmad ‘Ali ibn Hajr. (t.t.). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih Imam ‘Abd Allah Muhammad Isma‘il al-Bukhari*, jil. 6. t.t.p: Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Asqalani, Ahmad ‘Ali Ibn Hajr. (t.t.). *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*, jil. 4. t tmpt. Maktabah Salafiyyah.
- Al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan. (1993). *al-Jihad fi al-Islam Kaifa Nafhamuh wa Kaifa Numarisuh*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Hanif, ‘Abd al-Muhsin Muhammad. (1426H). *al-Jihad, Ahkamuhu wa ma Yad‘u ilai*. Madinah: al-Jami‘ah al-Islamiyyah.
- Al-Jassas, Abi Bakar Ahmad ‘Ali al-Razi. (t.t.). *Ahkam al-Quran li al-Jassas*, jil. 1. t.tp: Dar al-
- Al-Munif, ‘Abd al-Muhsin Muhammad. (1426H). *al-Jihad Ahkamuhu wa man Yad‘u ilaih*. Madinah: Universiti Islam Madinah.
- Al-Nahhas, Abu Ja‘far. (1988). *al-Nasikh wa al-Mansukh*. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Abu Zakariya Yahya. (1991). *Raudah al-Talibin wa ‘Umdah al-Muftin*, jil 10. Beirut: Maktabah al-Islami.
- Al-Qaradawi, Muhammad Yusuf. (2009). *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li ahkamihi wa falsafatihi fi daw al-Quran wa al-Sunnah*. Qahirah: Maktabah Wabbah.
- Al-Qarafi, Ahmad Idris. (1994). *al-Dhakhirah*, jil. 3. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad Khatib. (2002). *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifah al-Ma‘ani Alfaz al-Minhaj*, jil. 6. Beirut: Dar al-Kutb al-’Imiyyah.
- Al-Shirazi, Abu Ishaq. (1996). *al-Muhadhdhab b fi Fiqh al-Imam al-Shafi‘i*, jil. 5. Dimashq: Dar al-Qalam, 1996.
- Al-Suhaimi, Abd al-Salam Salim. (2008). *al-Jihad fi al-Islam*. Saudi: Dar al-Nasihah.

- Al-Suhaimi, Abd al-Salam Salim. (2008). *al-Jihad fi al-Islam*. Saudi: Dar al-Nasihah.
- Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman Ahmad, ed. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi. (t.t.). *al-Mu'jam al-Kabir*, jil. 12. Qahirah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1991). *al-Tafsir al-Munir*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āsir.
- Cook, D. (2005). *Women Fighting Jihad?*. Dlm. Cindy D. Ness (ed.). *Female Terrorism and Militancy: Agency, Utility and Organization*. London dan New York: Routledge, 45-46.
- Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). (1984). *Tafsir al-Azhar*, juz. 10. T.TP.: Panji Masyarakat.
- Hassan Ayub. (2003). *Fiqh al-Jihad fi al-Islam*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' 'Isma'il 'Umar. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Riyad: Dar al-Tayyibah li al-Nashar wa al-Tauzi', 1997.
- Ibn Manzur, Muhammad Mukarram 'Alī. (t.t.). *Lisan al-'Arab*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad 'Abd Allah Ahmad. (1997). *al-Mughni*, jil. 13. Riyad: Dar 'Alim al-Kutub.
- Kamaruddin. (2008). *Jihad dalam Perspektif Hadis*. *Jurnal Hunafa*, 1 (5): 105-107.
- Kamus Dewan Edisi ke-4. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi. (2003). *Keganasan dan Islam: Analisis Konsep Jihad*. *Jurnal Syariah*, 11 (2): 1-14.
- Mohd Anuar Ramli. (2010). *Analisis Gender dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu*. *Tesis Kedoktoran*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin. (2018). *Temu bual bersama pengkaji pada 30 Disember 2018*.
- Muhammad 'Izzat Daruzah. (1952). *al-Dustur al-Qurani fi Shuun al-Hayat*. Qahirah: al-Halabi.
- Mustafa al-Siba'i. (1966). *al-Mar'ah Baina al-Fiqh wa al-Qanūn*. Dimashq: Matba'ah al-Asil.
- Mustaffa Abdullah. (1996). *Evolusi Jihad dalam Al-Quran: Satu Tinjauan Sejarah*. *Jurnal Usuluddin*, 5: 43.
- Nasr Salman & Su'ad Suti. (t.t.). *Fatawa al-Nisa' li Ashab al-Fadilah Yusuf al-Qaradawi, wa Mahmud Shaltut, wa 'Abd al-Halim Mahmud, wa Muhammad Mutawalli Sha'rawi wa Ahmad Hamani*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Paizah Ismail. (2003). *Status Wanita dalam Islam: Antara Prinsip Syariah dan Ijtihad Fuqaha*. *Jurnal Syariah*, 11 (2): 68.
- Razak, M.I.A., (2018). *Isu-isu Wanita dalam Fiqh Jihad Kumpulan Ekstremisme Agama: Kajian Terhadap Majalah Dabiq dan Kaitannya di Malaysia*. *Tesis PhD*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Razak, M.I.A., et. al. (2019). *Analisis Isu-isu Berkaitan Wanita dalam Fiqh Jihad Aliran Ekstremisme Agama*. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10 (1), 63-78.
- Sa'di Abu Jayb. (1993). *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. Dimashq: Dar al-Fikir.

Fiqh Jihad Wanita Dalam Konteks Kontemporari: Satu Analisis
Muhd Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli, Nurul Khairiah Khali, Mukhamad Khafiz Abd Basir,
Mohd Farhan Abd Rahman, Ahmad Firdaus Mohd Noor

- Saddam Husein Harahap. (2016). Perang dalam Perspektif al-Quran (Kajian Terhadap Ayat-Ayat Qital). Disertasi Sarjana, Universitas Islam Sumatera Utara.
- Salih ‘Abd al-‘Aziz Al-Shaykh (ed.). (2002). Mausu‘ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-SittahRiyad: Dar al-Salam.
- Tunda Agara. (2015). Gendering Terrorism: Women, Gender, Terrorism and Suicide Bombers. *International Journal of Humanities*, 6 (1): 115-125.